

## PERATURAN PERMAINAN WOODBALL

### 1. PERATURAN TEKNIKAL

#### 1.1 Undang - Undang Permainan

1.1.1 Kecuali apa yang tersebut di dalam Peraturan yang menguasai pertandingan ini, maka Undang-undang Permainan yang dikeluarkan oleh Persatuan Woodball Antarabangsa dan Persatuan Badan Berkanun Malaysia hendaklah diikuti.

#### 1.2 Perkara Yang Tidak Dinyatakan

1.2.1 Rujuk Peraturan Am SUKIPT V, 2020.

### 2. PERATURAN PERTANDINGAN

#### 2.1 Pertandingan akan dijalankan secara Individu dan Berpasukan iaitu :

- 2.1.1 Perseorangan Lelaki
- 2.1.2 Perseorangan Wanita
- 2.1.3 Bergu Lelaki
- 2.1.4 Bergu Wanita
- 2.1.5 Bergu Campuran
- 2.1.6 Berpasukan Lelaki
- 2.1.7 Berpasukan Wanita

#### 2.2 Pendaftaran dan Pembentukan Pasukan

2.2.1 Rujuk Perkara 3 Peraturan Am SUKIPT V, 2020.

2.2.2 Hanya boleh menghantar penyertaan sebanyak 1 pasukan lelaki dan 1 pasukan wanita sahaja.

2.2.3 Bilangan pemain dan pegawai adalah seperti berikut ;

SUKAN	ATLET		PEGAWAI	JUMLAH
	LELAKI	WANITA		
Individu & Berpasukan	5	5	4	14

#### 2.3 Sistem Pertandingan

2.3.1 Perlawanan akan dijalankan secara stroke play 48.

2.3.2 Rujuk Perkara 9 Peraturan Am SUKIPT V, 2020.

### 2.3.3 Cara memutuskan keputusan kumpulan

2.3.3.1 Pemenang Kategori Berpasukan akan ditentukan melalui :

2.3.3.1.1 Bagi kategori berpasukan lelaki dan wanita jumlah pukulan 4 pemain terendah bagi 24 gate hari pertama dan hari kedua akan diambil kira untuk menentukan pemenang.

2.3.3.1.2 Jika seri, pemenang akan ditentukan dengan mengambilkira pasukan yang mempunyai pemain dengan jumlah pukulan terendah dan akan diisytiharkan sebagai pemenang. Jika masih seri, ianya diikuti dengan pemain terbaik ke-2, ke-3 dan ke-4.

2.3.3.2 Pemenang Kategori Individu (Perseorangan & Bergu) akan ditentukan melalui :

2.3.3.2.1 Pemenang bagi kategori individu pula akan ditentukan melalui jumlah pukulan terendah bagi pemain diambil kira.

2.3.3.2.2 Jika seri, pemain atau bergu yang mempunyai jumlah pukulan terendah paling banyak pada 12 gate terakhir akan diisytiharkan pemenang. Jika masih seri, ianya akan diikuti kiraan pada 12 gate berikutnya sehinggalah pemenang dapat ditentukan.

## 2.4 Kelewatan

2.4.1 Masa diberi 15 minit dari mula masa permainan. Sekiranya lewat kesemua pasukan dibatal dari menyertai perlawanan.

## 2.5 Menarik Diri atau Menyerah Kalah

2.5.1 Rujuk Perkara 12 Peraturan Am SUKIPT V, 2020.

### 3. PAKAIAN DAN PERALATAN

3.1 Rujuk Peraturan Am SUKIPT V, 2020

#### 3.2 Pakaian Pertandingan

3.2.1 Seluar panjang slack atau *track bottom* dan T-Shirt berkolar serta berkasut sukan. Seluar jeans adalah dilarang sama sekali.

#### 3.3 Peralatan Pertandingan

3.3.1 Alat permainan iaitu mallet dan bola yang digunakan adalah dari jenama Hui King, Dr Pat dan Jack King sahaja dibenarkan.

### 4. HADIAH

4.1 Rujuk Perkara 16 Peraturan Am SUKIPT V, 2020.

4.2 Jumlah pingat yang ditawarkan :

ACARA / KATEGORI	EMAS		PERAK		GANGSA	
	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah
Perseorangan Lelaki	1	1	1	1	1	1
Perseorangan Wanita	1	1	1	1	1	1
Bergu Lelaki	1	2	1	2	1	2
Bergu Wanita	1	2	1	2	1	2
Bergu Campuran	1	2	1	2	1	2
Berpasukan Lelaki	1	5	1	5	1	5
Berpasukan Wanita	1	5	1	5	1	5
<b>JUMLAH</b>	<b>7</b>	<b>18</b>	<b>7</b>	<b>18</b>	<b>7</b>	<b>18</b>